

## BAB 5

### ADAT ISTIADAT TURUN-TEMURUN

#### 5.1 Pengenalan

Bab ini membincangkan tentang adat resam yang masih diamalkan oleh etnik Kimaragang dalam kehidupan mereka. Adat tersebut meliputi adat kelahiran, adat kematian dan adat-adat lain yang masih diamalkan sehingga kini.

#### 5.2 Adat Kelahiran

Semasa mengandung si isteri, suami, ahli keluarga dan tetamu yang datang berkunjung ke rumah pasangan suami isteri tersebut serta orang yang berada di sekeliling mereka harus mematuhi peraturan atau pantang larang yang terdapat dalam etnik Kimaragang. Antara peraturan dan pantang larang tersebut ialah:-

- a) Tidak boleh melontar sebarang objek ke arah wanita yang sedang mengandung kerana dipercayai perbuatan tersebut akan menyebabkan bayi yang beristirahat dalam kandungan si ibu terkejut dan berkemungkinan boleh menyebabkan bayi mengalami kecacatan fizikal atau mental. Sekiranya terdapat individu yang melanggar pantang larang tersebut maka dia akan dikenakan *hukum sogit* berupa seekor ayam yang harus dibayar kepada wanita hamil tersebut.
- b) Suami, ahli keluarga yang tinggal bersama dengan pasangan suami isteri dan tetamu yang datang berkunjung dilarang duduk di ambang pintu kerana menurut kepercayaan etnik Kimaragang perbuatan tersebut akan menyukarkan si ibu untuk bersalin.
- c) Si suami dilarang daripada melilitkan kain atau tali di leher kerana perbuatan tersebut dipercayai akan menyebabkan tali pusat bayi itu melilit pada leher si bayi.
- d) Suami, ahli keluarga yang tinggal bersama dengan pasangan suami isteri dan tetamu yang datang berkunjung dilarang daripada memotong *tamparon ukad* (hujung kayu tangga rumah) kerana perbuatan tersebut akan menyebabkan bibir bayi yang bakal dilahirkan itu cacat.

Wanita atau si ibu yang sudah bersalin juga harus mematuhi pantang larang seperti dilarang duduk bersila selama tiga puluh hari dan hanya dibenarkan duduk dengan melunjurkan kaki. Jika si suami memberikan makanan kepada isterinya, si isteri hendaklah menyambut dan mengambilnya dengan kedua belah tangannya bagi mengelakkan salah satu

buah dada si isteri mengecil. Setiap bahan makanan yang dimasak untuk si ibu haruslah dibasuh sebanyak tiga kali sebelum dimasak.

Selama tiga puluh hari juga si ibu tidak dibenarkan memakan *unmolitan* iaitu bahagian atas nasi yang dimasak dalam periuk. Nasi yang *diumbolit* tidak boleh diberi makan kepada tetamu melainkan tetamu itu boleh datang pada hari selepas tiga puluh hari si ibu berpantang. Jika nasi berkenaan disajikan (diberi makan) kepada tetamu dan pada hari selepas tiga puluh hari pantang tetamu tersebut tidak datang semula ke rumah si ibu berpantang maka dia akan dikenakan *hukum sogit*. Tetamu tersebut dikehendaki membayar seekor ayam kepada si ibu yang telah habis berpantang.

Tiga puluh hari selepas si ibu berpantang satu majlis sederhana akan diadakan yang dikenali sebagai *hari sungkai* (cukup hari pantang). Semasa majlis ini si suami akan menyediakan hidangan batang ubi keladi untuk setiap tetamu yang datang dan mencurahkan sebahagian hidangan tersebut ke perut si bayi yang baru lahir. Mengikut kepercayaan etnik Kimaragang si ibu yang melanggar pantang larang atau adat yang sudah ditetapkan berkemungkinan besar akan mengakibatkan anak yang dilahirkan atau si bayi mengalami masalah mental atau terencat akal.

### 5.3 Adat Kematian

Seseorang yang mati di luar rumah kediamannya atau mati di kampung lain tidak boleh dibawa naik ke rumah atau ke kampungnya. Hal ini kerana menurut kepercayaan etnik Kimaragang roh si mati akan mengganggu orang lain yang berada di rumah atau mengganggu penduduk kampung. Jika seseorang itu mati ketika berada di rumah sendiri jenazahnya tidak boleh dibawa keluar melalui pintu atau tangga rumah kerana dipercayai roh ahli keluarga yang masih hidup akan mengikut roh si mati dan akan menyebabkan kematian ahli keluarga yang masih hidup. Oleh itu, jenazah dikeluarkan melalui dinding yang berdekatan dengan kedudukan kepala si mati semasa dia meninggal dunia.



*Jenazah yang dibawa keluar melalui dinding rumah*

Jenazah si mati biasanya dibalut menggunakan tikar rotan atau kulit kayu *timbangan* atau *rondogung*. Namun bagi keluarga yang berkemampuan, jenazah dimasukkan ke dalam peti yang diperbuat daripada batang kayu sebaik sahaja si mati meninggal dunia. Sebelum jenazah si mati

dikeluarkan dari rumah, jenazah yang berbalut atau berada di dalam peti disapu menggunakan tumbuhan yang berbulu seperti *lintagu*, *tongkung* dan *toriyuju* sebagai upacara menghalang roh keluarga si mati yang masih hidup daripada mengikuti roh si mati.



*Jenazah yang dibalut dengan tikar rotan*

Dalam adat kematian etnik Kimaragang juga menggunakan satu istilah yang dipanggil sebagai pemegang adat. Suami atau isteri si mati adalah individu yang berperanan sebagai pemegang adat kematian tersebut. Jika si mati tidak mempunyai suami atau isteri (kerana sudah mati atau bercerai) maka pemegang adat kematian tersebut adalah anak kepada si mati. Namun jika si anak sudah berkeluarga maka tanggungjawab memegang adat tersebut boleh dipegang oleh sesiapa saja ahli keluarga si mati yang rela memegang adat tersebut atas budi bicara si anak (setuju atau tidak). Jika si anak tidak bersetuju adat tersebut dipegang oleh ahli keluarga lain maka tidak ada sesiapa yang akan memegang adat kematian tersebut (bukan si anak mahupun ahli keluarga lain).

Orang yang bertanggungjawab memegang adat kematian ini bermaksud dia tidak boleh berhadapan atau menghadap sesiapa pun kecuali menghadap barang-barang seperti pakaian si mati bagi tempoh tujuh hari dari tarikh si mati dikebumikan. Pada hari ketiga selepas si mati dikebumikan pemegang adat atau ketua ahli keluarga si mati hendaklah mengadakan majlis sederhana dengan menyembelih seekor ayam jantan yang besar untuk proses *mongoraa* (memalit darah ayam). Darah ayam tersebut akan dipalit di dahi kesemua cucu dan cicit (jika ada) dan adik-beradik si mati bagi tujuan *monogit kointulusan* (menyejukkan kepanasan) mereka yang menangi atau bersedih atas pemergian si mati.

Pada hari ketujuh selepas si mati dikebumikan pemegang adat, anak-anak atau ahli keluarga si mati hendaklah mengadakan majlis *monunsub tatod* (menghalau roh) si mati. Etnik Kimaragang percaya bahawa roh orang mati masih berada di rumah kediamannya sejak hari kematiannya. Namun roh si mati hanya akan dihalau dari rumah kediamannya selepas tujuh hari si mati dikebumikan. Etnik Kimaragang juga percaya bahawa sekiranya roh si mati tidak dihalau dari rumah tersebut selepas tujuh hari si mati dikebumikan maka rohnya tidak dapat *mongolu* ke gunung Kinabalu (meneruskan perjalanan untuk tinggal di gunung Kinabalu). Sekiranya roh si mati tidak dapat *mongolu* ke gunung Kinabalu maka roh tersebut akan

megganas dengan mengganggu dan mengacau kehidupan sesiapa sahaja yang masih hidup.

Si pemegang adat kematian ditegah memakai pakaian yang cerah terutama sekali warna merah sebagai tanda berkabung atas kematian yang berlaku. Sekiranya pantang larang ini dilanggar si pelaku akan dikenakan *hukum adat* atau *hukum sogit* atau kedua-duanya sekali.

#### **5.4 Adat-Adat Lain**

Menurut undang-undang etnik Kimaragang seseorang yang melanggar pantang larang akan dikenakan hukuman. Hukuman tersebut terbahagi kepada dua iaitu *hukum adat* dan *hukum sogit*. *Hukum adat* bermaksud seseorang itu wajib membayar denda yang berupa barangan kepada pihak yang terlibat dalam pelanggaran pantang larang atau adat. *Hukum sogit* pula ialah denda yang wajib dibayar dalam bentuk haiwan seperti khinzir atau ayam. *Hukum sogit* akan dikenakan jika perlakuan seseorang itu menyebabkan *kepanasan* kepada orang lain. *Kepanasan* menyebabkan sakit seperti demam dan menurut ketua adat ia boleh membawa kematian akibat daripada melanggar pantang larang. Antara adat-adat lain yang terdapat dalam etnik Kimaragang ialah adat kawasan bercucuk tanam dan adat bagi mereka yang berzina.

##### **a) Adat Kawasan Bercucuk Tanam**

Pokok kayu yang tumbang dengan sendirinya atau yang ditebang oleh seseorang dan rebah di kawasan bercucuk tanam adalah satu petanda yang tidak baik kepada empunya usaha berkenaan. Sekiranya seseorang menebang pokok dan tumbang di kawasan tanaman orang lain maka si pelaku akan dikenakan *hukum sogit* dengan membayar seekor ayam kepada si pemilik tanaman. Sebaliknya jika pokok tumbang dengan sendirinya maka pemilik tanaman hendaklah menyembelih ayam kepunyaan keluarganya bagi tujuan menghalang sebarang musibah daripada menimpa ahli keluarganya.

Etnik Kimaragang percaya bahawa kejadian pokok tumbang sedemikian merupakan petanda kecil bahawa musibah seperti sakit akan berlaku kepada ahli keluarga atau si pemilik tanaman sendiri atau merupakan musibah besar seperti berlaku kematian dalam keluarga pemilik tanaman tersebut. Adat *mongaraa* atau menyembelih seekor ayam dilakukan dengan bacaan mantera bagi menghalang sebarang perkara yang tidak baik berlaku kepada pemilik tanaman atau ahli keluarganya.

Adat etnik Kimaragang juga menegah seseorang daripada mencantas tandan buah pisang sebelum pokok ditebang, ini bermakna pokok pisang hendaklah ditebang terlebih dahulu dan barulah tandan pokok pisang dicantas. Demikian juga dengan tebu, seseorang perlu memotong bahagian batang bawah terlebih dahulu sebelum mencantas bahagian atas tebu.

Jika seseorang individu itu didapati melanggar pantang larang tersebut maka dia akan dikenakan *hukum sogit*. Sekiranya perbuatan si pelaku tidak diketahui oleh si pemilik tanaman maka si empunya tanaman perlu menyembelih seekor ayam besar di kawasan pokok tersebut bagi mengelak sebarang musibah kecil atau besar daripada menimpa keluarga si pemilik tanaman. Perbuatan seperti ini disifatkan sebagai *moningulun* (sumpahan) seseorang (si pelaku yang melanggar pantang larang) terhadap ahli keluarga si pemilik tanaman.

#### **b) Adat bagi Mereka yang Berzina**

Zina yang dilakukan antara bapa dan anak, ibu dan anak atau antara adik-beradik seibu sebapa dikenali sebagai *sumbang besar* dalam istilah adat etnik Kimaragang. Pada zaman prasejarah pelaku zina dihukum mati dengan cara memasukkan pasangan tersebut ke dalam bubu dan kemudian dibuang ke dalam sungai. Selain hukuman di buang ke dalam sungai, pelaku zina juga boleh dihukum dengan cara lain seperti disembelih dan darah kedua-dua pelaku disembur sebagai usaha pengamal adat untuk menyejukkan kepanasan hidup manusia yang tinggal sekampung dengan pelaku zina. *Hukum adat* seperti ini menjadi pengajaran kepada etnik Kimaragang dan menjadi peringatan kepada mereka agar tidak melakukan perkara yang ditegah dalam hukum adat istiadat mereka.

Bagi kes zina yang berlaku antara mereka yang tidak mempunyai pertalian darah mereka akan dikenakan *hukum sogit*. Contoh kes seperti ini ialah zina antara mereka yang masing-masing mempunyai suami dan isteri, kedua-dua pelaku akan dikenakan *hukum sogit* yang harus dibayar kepada keluarga masing-masing. Selain itu kedua-dua pelaku juga akan dikenakan *hukum sogit kampung*. Dalam *hukum sogit kampung* kedua-dua pelaku dikenakan membayar *pulanut* sebuah gong atau *botukul*.

Bagi pelaku lelaki dia juga dikenakan *hukum adat* berupa barangan tembaga atau besi seperti gong yang harus diberikan (dibayar) kepada suami si perempuan pasangan zinanya. *Hukum adat* ini dikenali sebagai *adat sarung gampa* (sarung parang) simbolik kepada perbuatan seorang suami yang kadang kala melepaskan kemarahannya kepada lelaki yang mengganggu isterinya dengan menggunakan senjata tajam seperti parang. *Hukum adat* dikenakan oleh pengamal adat ke atas kedua-dua pelaku bertujuan untuk mengelakkan suami si pelaku zina (perempuan) menggunakan kekerasan seperti menggunakan parang bagi menyelesaikan masalah yang berlaku.

Bagi kes zina yang berlaku antara pasangan yang belum berkahwin mereka juga dikenakan *hukum sogit kampung* beserta *pulanut* (gong). *Pulanut* atau pengeras yang harus dibayar oleh pelaku zina perlu diserahkan kepada pengamal adat atau ketua adat ataupun ketua kampung. *Pulanut* diserahkan kepada pengamal adat/ketua adat/ketua kampung kerana setiap masalah yang timbul di kawasan kampung akan diselesaikan di rumah ketua adat.

## **5.5 Penutup**

Etnik Kimaragang masih mengamalkan adat kelahiran dan adat kematian seperti yang diamalkan oleh nenek moyang mereka dan adat-adat ini masih dipatuhi agar perkara buruk tidak berlaku atau dapat dihindari. Adat-adat lain juga masih diamalkan seperti adat tubuh manusia, adat rumah kediaman, adat kawasan bercucuk tanam dan adat bagi mereka yang berzina. Adat-adat ini harus dijalankan bagi *menyejukkan* perbuatan yang telah dilakukan atau berlaku agar si pelaku dan ahli keluarganya terhindar daripada musibah.